

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]
TARIKH : 8 JUN 2015
SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi Bin Ahmad [LANGKAWI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- a) berapakah bilangan pesakit jantung yang mendapat rawatan di Hospital KKM dan IJN dan berapa banyak Hospital KKM yang mempunyai pakar jantung dan pakar bedah jantung; dan
- b) berapa ramai pakar jantung dan pakar bedah jantung yang ada di Malaysia. Adakah nisbah ini menepati piawaian antarabangsa, 1 pakar jantung / bagi setiap 1000 pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kedatangan pesakit luar dan bilangan kemasukan pesakit dalam bagi rawatan jantung di hospital KKM pada 2013 adalah seperti berikut:-

Hospital KKM	Bilangan Kedatangan Pesakit Luar	Bilangan Kemasukan Pesakit Dalam
Kardiologi	121,064	10,269
Kardiotorasik	26,573	1,966

Sejumlah 2,366 orang pesakit telah menjalani pembedahan jantung di hospital KKM pada 2013.

Bilangan pesakit yang mendapatkan pembedahan jantung di IJN pada tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Jenis Pesakit	Bilangan Pesakit (orang)
Pesakit Dewasa	3,923
Pesakit Kanak-kanak	1,328

Pada tahun 2013, bilangan pesakit tanggungan kerajaan yang mendapat rawatan jantung di IJN adalah seperti berikut:-

Pesakit Tanggungan Kerajaan	Bilangan Pesakit (orang)
Pesakit Dalam	8,960
Pesakit Luar	157,853

Sumber: Bahagian Kewangan KKM

Perbandingan dari segi rawatan antara perkhidmatan jantung hospital KKM dan IJN tidak wajar kerana IJN mengendalikan kes-kes jantung yang lebih kompleks dan rumit. Perkhidmatan rawatan jantung, sama ada kardiologi ataupun pembedahan kardiotorasik di hospital KKM dan di IJN adalah komplementari di mana dalam kebanyakan keadaan pesakit di hospital KKM akan dirujuk ke IJN terutamanya kes-kes kompleks.

Pada masa ini terdapat 11 buah hospital KKM yang mempunyai Pakar Kardiologi dan tujuh buah hospital dengan Pakar Bedah Kardiotorasik.

Hospital	Pakar Kardiologi	Pakar Bedah Kardiotorasik
Pulau Pinang	8	7
Sultanah Bahiyah Alor Setar	2	-
Raja Permaisuri Bainun Ipoh	2	-
Serdang	5	5
Sultanah Aminah Johor Bahru	2	3
Sultan Ismail Johor Bahru	1	-
Tengku Ampuan Afzan Kuantan	2	1
Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu	2	-
Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu	2	1
Queen Elizabeth II Kota Kinabalu	1	1
Umum Sarawak Kuching	8	3

Penduduk Pulau Langkawi boleh mendapatkan rawatan jantung yang biasa di Hospital Langkawi dan jika perlu mereka akan dirujuk sama ada Ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Pulau Pinang atau IJN.

Sehingga kini, terdapat seramai 219 orang Pakar Kardiologi dan 66 orang Pakar Bedah Kardiorasik di seluruh Malaysia (kerajaan dan swasta).

Nisbah Pakar Jantung adalah dikira berdasarkan nisbah doktor kepada 1 juta penduduk, bukannya kepada 1,000 orang pesakit, di mana nisbah Pakar Jantung di Malaysia adalah 1.5 orang per sejuta penduduk berbanding United Kingdom 18 orang per sejuta penduduk, Singapura 23 dan Amerika Syarikat 57.